

KOD PENGENDALIAN INDUSTRI ELEKTRONIK

Kod Pengendalian Industri Elektronik menggariskan standad demi memastikan keadaan kerja di rantaian bekalan industri elektronik selamat, agar para pekerja dilayan dengan hormat dan sopan, dan proses pengilangan yang peka terhadap alam sekitar.

Ianya dianggap sebagai sebahagian daripada industri elektronik bagi tujuan Kod Pengendalian ini adalah Pengilang Kelengkapan Asal (OEM), firma Perkhidmatan Pengilangan Elektronik (EMS) dan Reka Bentuk Asal Pengilang (ODM) termasuk buruh kontrak yang mungkin mereka bentuk, memasarkan, membuat dan/atau menyediakan barangan dan perkhidmatan yang digunakan untuk mengeluarkan barangan elektronik. Kod Pengendalian ini mungkin diterapkan secara sukarela oleh mana-mana perniagaan dalam sektor elektronik dan seterusnya diguna pakai oleh perniagaan itu terhadap rantaian bekalan dan subkontraktornya.

Untuk menerima pakai Kod Pengendalian dan menjadi peserta (“Peserta”), sebuah perniagaan akan mengisytiharkan sokongannya terhadap Kod Etika berkenaan dan berusaha untuk mematuhi Kod Pengendalian itu serta piawainya mengikut sistem pengurusan yang dikemukakan dalam Kod Pengendalian.

Bagi menjayakan kod ini, adalah perlu bagi “Peserta” menghormati kod ini sebagai inisiatif rantaian bekalan secara total. Secara minimanya, peserta perlu memberitahu kepada pembekal-pembekal lain dan mematuhi kod ini.

Asas kepada penerapan Kod Pengendalian ini adalah pemahaman bahawa perniagaan, dalam semua kegiatannya, mesti beroperasi dengan mematuhi sepenuhnya terhadap undang-undang, kaedah dan peraturan negara tempat ia beroperasi. Kod Pengendalian ini menggalakkan Peserta untuk menjangkau lebih dari sekadar mematuhi undang-undang, menggunakan piawai yang diperakui antarabangsa, demi memajukan kewajipan sosial dan alam sekitar.

Peserta Kod Pengendalian Industri Elektronik mestilah komited bagi mendapatkan input yang berterusan dari para pemegang saham dalam pembangunan yang berterusan serta mengimplimentasikannya.

ⁱ Kod Pengendalian terdiri daripada lima bahagian. Bahagian A, B, dan C masing-masing menggariskan piawai untuk Buruh, Kesihatan dan Keselamatan, dan Alam sekitar. Bahagian D menggariskan unsur sistem yang boleh diterima secara minimum untuk menguruskan kepatuhan terhadap Kod Pengendalian ini. Bahagian E menambah piawai berhubung dengan pengendalian perniagaan.

ⁱ *Kod Pengendalian* ini tidak bertujuan untuk mewujudkan hak pihak ketiga yang baru atau tambahan, termasuk untuk pekerja.

A. BURUH

Peserta komited untuk mendukung hak kemanusiaan pekerja, dan untuk melayan mereka dengan sopan dan hormat seperti yang dikehendaki oleh komuniti antarabangsa.

Standad yang diiktiraf seperti yang disenarai dibahagian akhir digunakan sebagai rujukan semasa menyediakan Kod Pengendalian ini dan mungkin merupakan sumber maklumat tambahan yang berguna.

Standad buruh adalah:

1) Pekerjaan Yang Dipilih Secara Bebas

Buruh paksa, tertakluk atau terikat atau buruh penjara paksa tidak boleh digunakan. Semua kerja adalah sukarela, dan pekerja bebas untuk meninggalkan syarikat dengan notis yang munasabah. Pekerja tidak akan dikehendaki menyerahkan pengenalan diri yang dikeluarkan kerajaan, pasport atau permit kerja sebagai syarat pekerjaan.

2) Pengharaman Buruh Kanak-kanak

Buruh kanak-kanak tidak boleh digunakan dalam mana-mana peringkat pengilangan. Istilah “kanak-kanak” merujuk kepada sesiapa yang diambil bekerja ketika berusia di bawah 15 tahun (atau 14 tahun apabila undang-undang negara berkenaan membenarkannya), atau ketika berusia yang perlu melengkapkan pendidikan wajib, atau di bawah usia minimum untuk bekerja di dalam negara, yang mana lebih besar. Penggunaan program perantisan tempat kerja yang sah, yang mematuhi semua undang-undang dan peraturan, adalah disokong. Pekerja yang berusia di bawah 18 tahun tidak seharusnya melakukan pekerjaan yang berbahaya yang boleh menjejaskan kesihatan dan keselamatan mereka.

3) Waktu Kerja

Kajian amalan perniagaan yang baik jelas mengaitkan ketegangan pekerja kepada pengurangan produktiviti, peningkatan pada pusing ganti dan bertambahnya kecederaan dan penyakit. Minggu kerja hendaklah tidak melebihi tahap maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang setempat. Selain daripada itu, satu minggu kerja hendaklah tidak melebihi daripada 60 jam setiap minggu, termasuk waktu lebih masa, kecuali dalam kecemasan atau keadaan yang luar biasa. Pekerja hendaklah dibenarkan sekurang-kurangnya satu hari cuti bagi setiap tujuh hari dalam seminggu.

4) Gaji & Kemudahan

Pampasan yang dibayar kepada pekerja hendaklah mematuhi semua undang-undang gaji yang berlaku termasuk yang berhubung dengan gaji minimum, waktu lebih masa dan faedah mandat yang sah. Dengan mematuhi undang-undang setempat, pekerja akan diberi ganjaran untuk kerja lebih masa lebih daripada kadar kiraan biasa. Pengurangan gaji atas sebab tindakan kesalahan disiplin

tidak dibenarkan sama sekali. Perkara asas pembayaran gaji mestilah mengikut masa , menggunakan dokument yang biasa digunakan

5) Layanan Berperikemanusiaan

Polisi dan prosidur peserta hendaklah dihebahkan kepada pekerja dengan jelas. Layanan kasar atau tidak berperikemanusiaan, termasuk ancaman seksual, penyalahgunaan seksual, hukuman dera, paksaan mental atau fizikal atau kekasaran bahasa terhadap pekerja tidak seharusnya berlaku: begitu juga ancaman terhadap apa-apa layanan yang seumpamanya tidak seharusnya berlaku.

6) Tidak Diskriminasi

Peserta hendaklah komited terhadap tenaga kerja yang bebas daripada gangguan dan diskriminasi yang menyalahi undang-undang. Syarikat tidak akan terlibat dalam diskriminasi berasaskan bangsa, warna kulit, usia, jantina, orientasi seksual, keetnik, kecacatan, agama, penggabungan politik, keahlian kesatuan atau status perkahwinan dalam amalan penggajian dan pekerjaan seperti kenaikan pangkat, ganjaran, dan akses ke latihan. Di samping itu, pekerja atau bakal pekerja hendaklah tidak tertakluk kepada ujian perubatan/kehamilan yang boleh digunakan dengan cara yang berdiskriminasi.

7) Kebebasan Berpersatuan

Perhubungan terbuka dan penglibatan langsung antara pekerja dan pengurusan adalah cara yang paling berkesan untuk menyelesaikan isu tempat kerja dan pampasan. Peserta hendaklah menghormati hak pekerja untuk bersekutu dengan bebas, menyertai kesatuan buruh, mencari wakil dan atau menyertai majlis pekerja menurut undang-undang setempat. Pekerja akan dibenarkan berkomunikasi secara terbuka dengan pengurusan berhubung dengan keadaan kerja tanpa takutkan tindakan balas, ugutan atau ancaman.

B. KESIHATAN dan KESELAMATAN

Peserta mengakui bahawa untuk meminimalkan kejadian kecederaan tempat kerja, persekitaran kerja yang selamat dan sihat adalah perlu dan ini juga akan meningkatkan mutu produk dan perkhidmatan, pengeluaran yang konsisten dan semangat pekerja akan bertambah baik .

Mengiktiraf sistem pengurusan seperti OHSAS 18001 dan Garis Panduan ILO terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah digunakan sebagai rujukan semasa menyiapkan Kod Pengendalian ini dan mungkin merupakan sumber maklumat tambahan yang berguna.

Standad kesihatan dan keselamatan adalah:

1) Keselamatan Pekerja

Pekerja yang terdedah terhadap bahaya keselamatan tempat kerja (contohnya bahaya sumber elektrik dan tenaga lain, api, kenderaan, tergelincir, tersandung dan jatuh) hendaklah dikawal melalui reka bentuk yang betul, kawalan kejuruteraan dan pentadbiran, penyelenggaraan pencegahan dan tatacara kerja yang selamat (termasuk sekat masuk/teg sekat). Apabila bahaya tidak dapat dikawal dengan cukup mengikut cara ini, pekerja hendaklah diberikan kelengkapan perlindungan peribadi yang sesuai.

2) Kesediaan dan Tindak Balas Kecemasan

Keadaan dan peristiwa kecemasan hendaklah dikenal pasti dan dinilai, dan kesannya dikurangkan dengan melaksanakan prosedur pelan dan tindak balas kecemasan, termasuk: melaporkan kecemasan, prosedur pemberitahuan dan pemindahan pekerja, latihan dan latih tubi pekerja, kelengkapan pengesanan dan penahan api yang sesuai, kemudahan keluar dan pelan pemulihan yang mencukupi.

3) Kecederaan dan Penyakit Di Tempat Kerja

Prosidur dan sistem hendaklah disediakan untuk mengurus, mengesan dan melaporkan kecederaan dan penyakit di tempat kerja, termasuk peruntukan untuk: a) menggalakkan pekerja untuk membuat laporan; b) mengelaskan dan mencatat kes kecederaan dan penyakit; c) menyediakan rawatan perubatan yang perlu; d) menyiasat kes dan melaksanakan tindakan pembetulan untuk menghapuskan puncanya; dan d) memudahkan pekerja untuk kembali bekerja.

4) Kebersihan Industri

Pekerja yang terdedah terhadap agen kimia, biologi dan fizikal hendaklah dikenal pasti, dinilai, dan dikawal. Apabila bahaya tidak dapat dikawal dengan cukup mengikut cara kejuruteraan dan pentadbiran, pekerja hendaklah diberikan kelengkapan perlindungan peribadi yang sesuai

5) Kerja yang Memerlukan Lebih Kepada Penggunaan Fizikal

Pekerja yang terdedah kepada tugas yang begitu bergantung kepada penggunaan fizikal , termasuk pengendalian bahan dan mengangkat bahan berat secara manual, berdiri yang berpanjangan dan tugas pemasangan yang amat berulang-ulang atau memerlukan penggunaan tenaga hendaklah dikenal pasti, dinilai dan dikawal.

6) Melindungi Mesin (Jentera)

Mesin-mesin pengeluaran dan lain-lain perlulah dianalisa kebermungkinan berlaku bahaya. Pengadang , “interlocks” dan pelindung fizikal hendaklah disediakan dan dijaga dengan baik untuk alat jentera yang digunakan oleh pekerja.

7) Penginapan, Makanan dan Sanitasi

Pekerja hendaklah disediakan dengan kemudahan tandas yang bersih, air untuk diminum dan kemudahan untuk menyiapkan dan menyimpan makanan bersih. Bilik penginapan pekerja yang disediakan oleh Peserta atau wakil buruh hendaklah bersih, selamat dan menyediakan laluan keluar kecemasan dan pengalihudaraan yang mencukupi serta ruang peribadi yang berpatutan.

C. ALAM SEKITAR

Peserta mengakui bahawa tanggungjawab pada alam sekitar adalah penting untuk mengeluarkan produk bertaraf dunia. Dalam operasi pengilangan, kesan buruk pada alam sekitar dan sumber asli hendaklah dikurangkan sambil melindungi kesihatan dan keselamatan orang awam.

Mengakui sistem pengurusan seperti ISO 14001 dan Pengurusan Eko dan Sistem Audit (EMAS) telah digunakan sebagai rujukan semasa menyiapkan Tatakelakuan ini dan mungkin merupakan sumber maklumat tambahan yang berguna.

Standad alam sekitar adalah:

1) Permit dan Pelaporan Alam Sekitar

Semua permit (contohnya, pengawasan perlepasan) dan pendaftaran alam sekitar yang dikehendaki haruslah diperolehi, dikekalkan serta dikemas kini dan keperluan operasi dan pelaporan hendaklah dipatuhi.

2) Pencegahan Pencemaran dan Pengurangan Sumber

Semua jenis sisa, termasuk air dan tenaga, hendaklah dikurangkan atau dihapuskan dari sumbernya atau melalui amalan seperti mengubah suai pengeluaran, proses penyelenggaraan dan kemudahan, penggantian bahan, pemuliharaan, mengitar semula dan penggunaan semula bahan.

3) Bahan Kimia Berbahaya

Kimia dan bahan-bahan lain yang boleh mengakibatkan bahaya jika dilepaskan ke alam sekitar hendaklah dikenal pasti dan diuruskan untuk memastikan pengendalian, pergerakan, penyimpanan, kitar semula atau penggunaan semula dan pelupusan yang selamat.

4) Air Sisa dan Sisa Pepejal

Air sisa dan sisa pepejal yang terjana daripada operasi, proses industri dan kemudahan sanitasi hendaklah diawasi, kawal dan diperlakukan seperti yang dikehendaki sebelum dikeluarkan atau dibuang

5) Pelepasan Udara

Pelepasan udara kimia organik, aerosol, bahan menghakis, zarah, produk sampingan bahan kimia dan pembakaran yang menyebabkan penipisan lapisan ozon yang dikeluarkan dari operasi hendaklah dicirikan, awasi, kawal dan dirawat seperti yang dikehendaki sebelum ia dilepaskan.

6) Sekatan Kandungan Produk

Peserta hendaklah mematuhi semua undang-undang dan kehendak pelanggan peraturan yang berlaku berhubung dengan larangan atau sekatan bahan tertentu termasuk undang-undang dan peraturan perlabelan untuk mengitar semula dan pelupusan. Peserta juga dikehendaki mematuhi proses untuk menepati setiap senarai bahan yang disekat dan bahaya seperti yang telah dipersetujui oleh pelanggan tertentu.

D. SISTEM PENGURUSAN

Peserta mesti mengguna pakai atau mewujudkan sistem pengurusan dengan ruang lingkupnya berkaitan dengan kandungan Kod Pengendalian ini. Sistem pengurusan akan direka bentuk untuk memastikan (a) pematuhan dengan undang-undang, peraturan dan keperluan pelanggan yang berkaitan dengan operasi dan produk Peserta; (b) selaras dengan Kod Pengendalian ini; dan (c) mengenal pasti dan mengurangkan risiko operasi yang berkaitan dengan Kod Pengendalian ini. Ia juga hendaklah dilakukan perbaikan yang berterusan.

Sistem pengurusan hendaklah mengandungi ciri-ciri berikut:

- 1) Komitmen Syarikat**
Pernyataan tanggungjawab sosial dan alam sekitar korporat yang mengesahkan komitmen Peserta untuk mematuhi dan membuat pembaikan secara berterusan.
- 2) Kebertanggungjawaban dan Kewajipan Pengurusan**
Dengan jelas mengenal pasti wakil syarikat yang bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan dan program yg berkaitan. Pihak pengurusan Kanan perlu menilai sistem pengurusan dari masa ke semasa.
- 3) Keperluan Undang-Undang dan Pelanggan**
Pengenalpastian, pengawasan dan pemahaman undang-undang, peraturan yang berlaku dan keperluan pelanggan.
- 4) Penilaian dan Pengurusan Risiko**
Proses untuk mengenal pasti risiko alam sekitar, kesihatan dan keselamatan¹ serta amalan buruh yang berkaitan dengan operasi Peserta. Penentuan kepentingan relatif bagi setiap risiko dan pelaksanaan kawalan prosidur dan fizikal yang sesuai demi memastikan pematuhan terhadap pengawalan untuk mengawal risiko yang dikenal pasti.
- 5) Objektif Penambahbaikan**
Standad bertulis, objektif prestasi, sasaran dan pelan pelaksanaan untuk membaiki prestasi sosial dan alam sekitar termasuk penilaian berkala untuk mencapai objektif tersebut.
- 6) Latihan**
Program untuk melatih pengurus dan pekerja untuk melaksanakan polisi, prosidur dan objektif pembaikan dan memenuhi kehendak dan peraturan.
- 7) Komunikasi**
Proses untuk menyampaikan maklumat dengan jelas dan tepat mengenai prestasi, amalan dan harapan Peserta kepada pekerja, pembekal dan pelanggan.

¹ Bahagian yang perlu disertakan dalam penilaian risiko untuk kesihatan dan keselamatan adalah kemudahan gudang dan penyimpanan, kelengkapan sokongan loji/kemudahan, makmal dan kawasan ujian, kemudahan sanitasi (tandas), dapur/kafeteria dan tempat tinggal/bilik penginapan pekerja.

- 8) Maklumbalas dan Penyertaan Pekerja**
Proses berterusan untuk menilai pemahaman pekerja dan mendapatkan maklum balas mengenai amalan dan syarat yang diliputi oleh Kod Pengendalian ini dan untuk menggalakkan penambahbaikan yang berterusan.
- 9) Audit dan Penilaian**
Penilaian sendiri berkala untuk memastikan pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan pengawalaturan, kandungan Kod Pengendalian dan keperluan kontrak pelanggan yang berkaitan dengan kewajipan sosial dan alam sekitar.
- 10) Proses Tindakan Pembetulan**
Proses untuk pembetulan yang menepati waktu terhadap kekurangan yang dikenal pasti melalui penilaian dalaman atau luar, pemeriksaan, penyasatan dan kajian semula.
- 11) Dokumentasi dan Rekod**
Pembentukan dokumen dan rekod demi memastikan pematuhan terhadap pengawalaturan dan kepatuhan terhadap keperluan syarikat seiring dengan kerahsiaan yang wajar untuk melindungi privasi.

E. ETIKA

Untuk memenuhi kewajiban sosial dan untuk mencapai kejayaan dalam pasaran, Peserta dan wakil mereka hendaklah mendukung standad tertinggi pengendalian termasuk:

1) Integriti Perniagaan

Standad tertinggi integriti adalah diharapkan dalam semua interaksi perniagaan. Apa-apa dan semua bentuk rasuah, pemerasan dan penggelapan (wang/harta) adalah dilarang keras dan boleh mengakibatkan pemecatan dan tindakan undang-undang diambil dengan segera. Prosidur dan tindakan perlu dilakukan untuk memastikan kepatuhan.

2) Tiada Kelebihan Tidak Wajar

Rasuah atau cara-cara lain untuk mendapatkan kelebihan yang tidak sepatutnya atau tidak wajar tidak seharusnya ditawarkan atau diterima.

3) Pendedahan Maklumat

Maklumat mengenai kegiatan, struktur, kedudukan kewangan dan prestasi perniagaan hendaklah didedahkan mengikut peraturan yang berkaitan dan amalan industri yang lazim.

4) Perlindungan Harta Intelek

Hak harta intelek hendaklah dihormati; pemindahan teknologi dan kebolehan hendaklah dilakukan dengan cara yang melindungi hak harta intelek.

5) Perniagaan, Pengiklanan dan Persaingan Adil

Standad untuk perniagaan, pengiklanan dan persaingan yang adil hendaklah didukung. Kaedah untuk melindungi maklumat pelanggan hendaklah disediakan.

6) Pendedahan Identiti Pelapor

Program yang memastikan perlindungan kepada pemberi maklumat tentang salah laku pembekal dan pekerja hendaklah dipelihara.



Rujukan: Standard berikut telah digunakan semasa merangka Kod Pengendalian ini dan mungkin merupakan sumber maklumat tambahan yang berguna. Kod Pengendalian berikut mungkin telah atau tidak disahkan oleh setiap Peserta.

ILO Code of Practice in Safety and Health

www.ilo.org/public/english/protection/safework/cops/english/download/e000013.pdf

National Fire Protection Agency

www.nfpa.org/catalog/home/AboutNFPA/index.asp

ILO International Labor Standards

www.ilo.org/public/english/standards/norm/whatare/fundam/index.htm

OECD Guidelines for Multinational Enterprises

www.oecd.org

United Nations Convention Against Corruption

www.unodc.org/unodc/en/crime_convention_corruption.html

United Nations Global Compact

www.unglobalcompact.org

Universal Declaration of Human Rights

www.un.org/Overview/rights.html

ISO 14001

www.iso.org

SA 8000

www.cepaa.org/

SAI

www.sa-intl.org

Ethical Trading Initiative

www.ethicaltrade.org/

OHSAS 18001

www.bsi-global.com/index.xalter

Eco Management & Audit System

www.quality.co.uk/emas.htm



Kod Etika Industri Elektronik telah disiapkan antara bulan Jun dan Oktober 2004 oleh sebilangan syarikat yang terlibat dalam pengilangan produk elektronik.

SEJARAH DOKUMEN

Versi 1.0 – Dikeluarkan Oktober 2004.

Versi 1.1 – Dikeluarkan Mei 2005.

Dokumen ditukar ke format EICC, semak semula susun atur halaman kecil; tiada perubahan pada kandungan

Versi 2.0 – Dikeluarkan pada Oktober 2005 dengan semakan dengan beberapa peruntukan.

Version 3.0 – Dikeluarkan pada Jun 2009 dengan semakan dengan beberapa peruntukan.

.

